

## Tren khas promosi forum WUF9

**PETALING JAYA** - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan memulakan kempen mempromosikan Forum Bandar Sedunia ke-9 (WUF9) menerusi pelancaran tren WUF9 di stesen transit aliran ringan (LRT) Putra Heights, dekat sini semalam.

Pelancaran tren empat gerabak di laluan Putra Heights-Gombak itu diharapkan dapat memberi kesedaran mengenai penganjuran WUF9 di Pusat Konven-

syen Kuala Lumpur (KLCC) pada 7 hingga 13 Februari 2018 kepada pengguna.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, Malaysia merupakan negara kedua di Asia selepas China yang menjadi tuan rumah bagi penganjuran forum dua tahun sekali itu dan ia dijangka akan menarik kehadiran lebih 25,000 peserta dari serata dunia.

“Forum ini akan membincang-

kan pelbagai aspek perbandaran termasuk penggunaan pengangkutan awam jadi pemilihan LRT sebagai salah satu lokasi promosi amat bersesuaian dengan penganjuran forum ini,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran tersebut di sini semalam.

NOH (kanan) melihat logo WUF9 yang ditampal pada tren LRT untuk mempromosikan program itu di Stesen Putra Heights, Petaling Jaya semalam.

